

BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI (BPPT)/ BAUCAR BUKU 1 MALAYSIA (BB1M) TAHUN 2018

FAQ

1. Siapakah pelajar yang layak menerima Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT)/ Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M)?

Pelajar-pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut layak menerima BPPT/ BB1M:

Warganegara Malaysia; dan Berstatus aktif sebagai pelajar sepenuh masa atau separuh masa pada tarikh 31 Disember 2017 di institusi pendidikan di Malaysia seperti berikut:

a) Tingkatan 6, Senior Middle 3, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Diploma Kolej Vokasional (Tahun 3 dan 4), Matrikulasi, Pengajian Asas (Foundation), Asasi, A-Level, Diploma, Diploma Lanjutan, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan kursus profesional yang bertaraf diploma dan ke atas yang diiktiraf oleh Kerajaan atau badan-badan profesional di Malaysia; atau

b) IPT di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau IPT yang telah berdaftar di bawah akta-akta yang berkuatkuasa.

2. Berapakah nilai BPPT/ BB1M? Nilai BPPT adalah RM250.

3. Bolehkah pelajar menyemak status kelayakan masing-masing? Bagi pelajar yang telah mempunyai **KADS1M**, mereka boleh menyemak status kelayakan masing-masing mulai 15 Mac 2018 di iRakyat, ATM dan CDM Bank Rakyat dan melalui portal <http://www.bank rakyat.com.my/bppt> mulai 2 April 2018.

Bagi pelajar yang **belum mempunyai KADS1M**, semakan boleh dibuat melalui portal Bank Rakyat mulai 2 April 2018 di pautan <http://www.bank rakyat.com.my/bppt> sebelum pelajar membuat permohonan bagi pembukaan akaun.

4. Bagaimanakah cara memohon BPPT/ BB1M?

Bagi pelajar yang telah mempunyai **KADS1M**, mereka tidak perlu membuat permohonan baharu. Bantuan akan disalurkan kepada yang layak (memenuhi syarat di para 1) mulai 15 Mac 2018 secara berperingkat. Semakan boleh dibuat di iRakyat, ATM dan CDM Bank Rakyat.

Bagi pelajar yang **belum mempunyai KADS1M**, mereka boleh membuat semakan kelayakan dan membuat permohonan di <http://www.bank rakyat.com.my/bppt> mulai 2 April 2018. Pelajar yang layak boleh mendapatkan KADS1M di mana-mana cawangan Bank Rakyat selepas menerima pemakluman daripada Bank Rakyat.

5. Apakah yang harus dibuat, sekiranya pelajar berpendapat ia memenuhi kriteria kelayakan menerima BPPT/BB1M 2018 tetapi semakan menunjukkan status “tidak ada dalam rekod?” Pelajar diminta menghubungi Seksyen Kemasukan dan Rekod (SKR) bagi pelajar Ijazah Dasar dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) bagi pelajar Ijazah Tinggi.

6. Bilakah tarikh akhir permohonan BPPT/BB1M 2018? Tarikh akhir bagi permohonan BPPT/BB1M 2018 adalah pada **31 Mei 2018**.

7. Bilakah tarikh akhir pengambilan KADS1M? Tarikh akhir bagi pengambilan KADS1M di semua cawangan Bank Rakyat adalah pada **31 Julai 2018**.

8. Apakah faedah yang akan diperolehi oleh pelajar bagi penggunaan BPPT/BB1M 2018 melalui KADS1M? Pelajar boleh menikmati pelbagai diskaun sekiranya menggunakan kad tersebut di premis rakan dagang yang berkaitan. Senarai rakan dagang KPDNKK boleh disemak melalui pautan <http://myopensoft.ddns.net:8060/kads1m/>

9. Apa akan berlaku sekiranya bantuan tidak habis dibelanjakan? Baki dalam akaun KADS1M tiada

tarikh tamat tempoh.

Tarikh Kemaskini: 15 Mac 2018